

# Pengeluaran i-Lestari



## 1 Bilakah ahli boleh mula memohon Pengeluaran i-Lestari?

Ahli boleh mula membuat permohonan Pengeluaran i-Lestari mulai 1 April 2020

## 2 Berapakah amaun yang layak dikeluarkan oleh ahli di bawah Pengeluaran i-Lestari?

Amaun yang layak dikeluarkan oleh ahli di bawah Pengeluaran i-Lestari adalah:



**Maksimum RM500 sebulan untuk tempoh selama 12 bulan (1 tahun)**

*(Tertakluk kepada jumlah simpanan di dalam Akaun 2 pada bulan permohonan dibuat)*



**Pengeluaran hanya boleh dibuat bagi tempoh 1 tahun (12 bulan) iaitu dari bulan April 2020 hingga bulan Mac 2021 tertakluk kepada 2(i)**



**Bayaran bermula dari bulan permohonan diterima oleh KWSP sehingga Mac 2021**



**Bayaran Pengeluaran i-Lestari akan mula dibuat mulai Mei 2020**

## 3 Bagaimanakah ahli boleh mengemukakan permohonan Pengeluaran i-Lestari?

Borang permohonan yang lengkap diisi boleh dikemukakan melalui **TIGA (3)** saluran berikut:

- Secara dalam talian (e-Pengeluaran melalui i-Akaun); **ATAU**
- Secara e-mel kepada [ilestarimohon@epf.gov.my](mailto:ilestarimohon@epf.gov.my) (Borang akan dimuat naik); **ATAU**
- Secara pos/pos berdaftar ke alamat: **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Karung Berkunci No 220, Jalan Sultan 46720 Petaling Jaya (Pengeluaran i-Lestari)**

Ahli perlu membuat permohonan sekali sahaja dan pembayaran Pengeluaran i-Lestari akan dikreditkan secara berulang (*recurring*) ke dalam akaun bank ahli seperti mana di 2(i)

## 4 Siapakah yang layak untuk membuat Pengeluaran i-Lestari?

Ahli-ahli berikut layak untuk membuat Pengeluaran i-Lestari:



**Warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap**



**Berumur bawah 55 tahun**



**Mempunyai baki simpanan di dalam Akaun 2\***



**Bukan Warganegara Malaysia (Fasa 2)**

*\*Tertakluk kepada baki Akaun 2 semasa proses pembayaran pada bulan berkenaan dibuat*

## 5 Mengapakah Pengeluaran i-Lestari hanya terhad kepada RM500 dan secara bulanan?

Pengeluaran i-Lestari ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan ahli untuk memenuhi keperluan asas bulanan dalam tempoh pandemik Covid-19 ini. Jumlah maksimum RM500 sebulan ini adalah jumlah yang berpatutan bagi menambah sumber kewangan ahli untuk memenuhi keperluan asas untuk bulan yang berkenaan

## 6 Mengapakah kekerapan Pengeluaran i-Lestari terhad untuk sekali sebulan?

Kekerapan bayaran Pengeluaran i-Lestari sekali sebulan adalah kerana pengeluaran ini bertujuan untuk menambah sumber pendapatan bulanan ahli bagi memenuhi keperluan asas setiap bulan

## 7 Mengapakah Pengeluaran i-Lestari hanya untuk tempoh setahun sahaja?

Tujuan i-Lestari adalah untuk membantu ahli meneruskan kelangsungan hidup ketika berdepan dengan pandemik Covid-19 pada ketika ini. Kerajaan akan terus memantau perkembangan situasi ini dan keperluan pengeluaran ini dari semasa ke semasa dan dijangka impak pandemik Covid-19 akan berakhir selepas tempoh tersebut

Kami akan mengemaskini soalan lazim ini dari semasa ke semasa. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila kemukakan soalan anda melalui e-mel kepada [ilestari@epf.gov.my](mailto:ilestari@epf.gov.my)

